



MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 36  
No. 24

**21hb November 1992**

*TAMBAHAN*  
*No. 9*

---

---

## RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang yang berikut telah dibentangkan dalam Parlimen adalah diterbitkan untuk makluman umum:

The following Bill introduced into Parliament is published for general information:

Akta Perikanan (Pindaan) 1992—(*Dibentangkan dan dibaca bag: kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 19hb November 1992*).

Fisheries (Amendment) Act 1992—(*Presented and read a first time in the Dewan Rakyat on 19th November 1992*).



D.R. 33/92

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Perikanan 1985.

[ ]

BAHAWASANYA adalah suaimanfaat untuk meminda undang-undang bertulis berhubungan dengan perikanan di perairan perikanan Malaysia dan dengan penyu dan penangkapan ikan di sungai di Malaysia;

DAN BAHAWASANYA menurut Fasal (1) Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan, Parlimen boleh membuat undang-undang berkenaan dengan apa-apa perkara yang disenaraikan dalam Senarai Persekutuan atau Senarai Bersama, dan bahawasanya perikanan, termasuk penangkapan ikan dan perikanan kelautan dan muara (tidak termasuk penyu), adalah suatu perkara yang disenaraikan dalam Senarai Persekutuan di bawah butiran 9 Senarai I dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan dan penangkapan ikan dan perikanan kelautan dan muara adalah juga perkara-perkara yang disenaraikan dalam Senarai Bersama di bawah butiran 12 Senarai IIIA dalam Jadual Kesembilan tersebut berkenaan dengan Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak;

DAN BAHAWASANYA melalui Fasal (1) (b) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan, Parlimen boleh membuat undang-undang berkenaan dengan apa-apa perkara yang disenaraikan dalam Senarai Negeri bagi maksud

menggalakkan persamaan undang-undang bagi dua Negeri atau lebih, dan bahawasanya penyu dan penangkapan ikan di sungai adalah suatu perkara yang disenaraikan dalam Senarai Negeri di bawah butiran 12 Senarai II dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, menurut peruntukan-peruntukan yang relevan dalam Perlembagaan Persekutuan INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Bagihda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya seperti berikut:

Tajuk  
ringkas  
dan mula  
berkuatkuasa.

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perikanan (Pindaan) 1992 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan  
seksyen 2.  
*Akta 317*

2. Seksyen 2 Akta Perikanan 1985, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan takrif "pencemar" dengan takrif yang berikut;

"pencemar" ertinya apa-apa bahan yang, jika dimasukkan ke dalam perairan kelautan atau mana-mana perairan sungai, mungkin mendatangkan bahaya kepada kesihatan manusia atau memudaratkan sumber-sumber kehidupan akuatik, atau merosakkan kemudahan-kemudahan atau mengganggu kegunaan-kegunaan lain yang sah akan perairan kelautan atau perairan sungai itu dan, tanpa menghadkan keluasan yang terdahulu, termasuklah apa-apa bahan yang ditetapkan oleh Menteri melalui perintah dalam *Warta* sebagai pencemar bagi maksud-maksud Akta ini;';

(b) dengan memasukkan selepas sahaja takrif "peralatan menangkap ikan" takrif baru yang berikut;

' "peralatan menangkap ikan tradisional" ertinya apa-apa peralatan menangkap ikan yang disenaraikan di bawah ini yang dikendalikan dengan menggunakan suatu vesel penangkapan ikan yang tidak bermotor atau suatu vesel penangkapan ikan yang bermotor yang tidak melebihi empat puluh tanan berdaftar kasar:

(a) perangkap;

(b) kail-mengail;

(c) pukat hanyut atau pukat insang;

(d) pukat tarik;

(e) pukat tangguk;

(f) pukat bakul; dan

(g) pukat rentang;';

(c) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan "ikan" dalam takrif "peranti mengumpul ikan" perkataan-perkataan "bagi maksud menangkap ikan";

(d) dalam takrif "vesel penangkapan ikan"—

(i) dengan memotong perkataan "atau" dalam perenggan (a); dan

(ii) dengan memasukkan selepas sahaja perenggan (a) perenggan baru (aa) yang berikut:

"(aa) akuakultur; atau"; dan

(e) dengan menggantikan takrif "vesel penangkapan ikan tempatan" dengan takrif yang berikut:

\* "vesel penangkapan ikan tempatan" ertinya mana-mana vesel penangkapan ikan—

(a) yang tidak didaftarkan di luar Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh—

- (i) orang sebenar atau orang-orang sebenar yang adalah warga-negara Malaysia;
- (ii) perbadanan berkanun yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang Malaysia;
- (iii) Kerajaan Malaysia atau Kerajaan sesuatu Negeri di Malaysia; atau
- (iv) pertubuhan diperbadankan atau tak diperbadankan yang ditubuhkan di Malaysia, dan dimiliki sepenuhnya oleh mana-mana orang yang diperihalkan dalam sub-perenggan (i), (ii) atau (iii) takrif ini; atau

(b) yang dicarter, disubcarter, dipajak atau disubpajak oleh mana-mana orang, perbadanan berkanun, Kerajaan atau pertubuhan perbadanan yang diperihalkan di bawah perenggan (a) (i), (a) (ii), (a) (iii) atau (a) (iv) takrif ini;'

Pindaan  
seksyen 8.

3. Seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "orang yang" perkataan-perkataan "mengusahakan apa-apa aktiviti penangkapan ikan,".

4. Seksyen 11 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (3) subseksyen baru (4) yang berikut: Pindaan seksyen 11.

"(4) Bagi maksud subseksyen (3), mana-mana bahagian peralatan menangkap ikan hendaklah ditafsirkan sebagai peralatan menangkap ikan yang lengkap melainkan jika dibuktikan sebaliknya."

5. Subseksyen (4) seksyen 13 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "empat belas" dengan perkataan-perkataan "tiga puluh". Pindaan seksyen 13.

6. Seksyen 14 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 14.

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan "satu tahun, dan hendaklah habis tempoh pada 31hb Disember dalam tahun ianya dikeluarkan" yang terdapat dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "dua belas bulan kalendar dari tarikh pengeluaran lesen itu";

(b) dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (1) subseksyen baru (1A) yang berikut:

"(1A) Subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi mana-mana lesen yang dikeluarkan sebelum tarikh mula berkuatkuasanya subseksyen tersebut, dan mana-mana lesen yang berkuatkuasa pada tarikh itu hendaklah terus berkuatkuasa bagi baki tempoh keesahannya."; dan

(c) dalam subseksyen (4)—

(i) dengan menggantikan perkataan "Sesuatu" yang terdapat dalam perenggan (a) dengan perkataan-perkataan "Tertakluk kepada perenggan (aa), apa-apa"; dan

- (ii) dengan memasukkan selepas sahaja perenggan (a) perenggan baru (aa) yang berikut:

"(aa) Walau apa pun perenggan (a), Ketua Pengarah boleh, atas sesuatu permohonan, membenarkan pemindahmilikan mana-mana lesen atau permit yang disebut di bawah perenggan itu jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa pemohon itu adalah orang yang jika tidak kerana itu layak selainnya untuk memegang lesen atau permit itu di bawah Akta ini."

Seksyen  
baru 14A.

7. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 14 seksyen baru 14A yang berikut:

"Anggapan berkenaan dengan orang yang dijumpai di atas mana-mana vesel penangkapan ikan tempatan. 14A. Bagi maksud Bahagian ini, jika mana-mana orang yang bukan warganegara Malaysia dijumpai di atas mana-mana vesel penangkapan ikan tempatan di dalam perairan perikanan Malaysia, maka orang itu hendaklah dianggap, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, sebagai anggota kru vesel penangkapan ikan itu."

Pindaan  
seksyen 15.

8. Seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan sebelum perkataan "menjalankan" yang terdapat dalam perenggan (b) subseksyen (1) perkataan-perkataan "tertakluk kepada subseksyen (1A),"; dan
- (b) dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (1) subseksyen baru (1A) yang berikut:

"(1A) Walau apa pun perenggan (b) subseksyen (1), sesuatu vesel penangkapan ikan asing boleh menjalankan apa-apa penyelidikan atau pemeriksaan tekno-

ekonomi ke atas mana-mana perikanan di dalam perairan perikanan Malaysia tertakluk kepada arahan-arahan am Ketua Pengarah dan syarat-syarat yang berikut, iaitu—

- (a) berkenaan dengan penyelidikan atau pemeriksaan tersebut, adanya satu perjanjian di antara warganegara Malaysia dengan orang yang memiliki vesel penangkapan ikan asing itu;
- (b) perjalanan apa-apa penyelidikan atau pemeriksaan itu hendaklah di bawah arahan am Ketua Pengarah; dan
- (c) apa-apa data dan dapatan daripada penyelidikan atau pemeriksaan itu boleh didapati oleh Ketua Pengarah mengikut apa-apa cara dan kekerapan yang ditetapkan olehnya."

9. Seksyen 16 Akta itu adalah dipinda—

Pmdaan  
seksyen 16.

- (a) dengan memotong perkataan "ikhlas" yang terdapat dalam nota birai;
- (b) dengan menggantikan subseksyen (1) dan (2) dengan subseksyen (1) dan (2) yang berikut:

"(1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), sesuatu vesel penangkapan ikan asing boleh memasuki perairan perikanan Malaysia bagi maksud laluan menerusi perairan itu dalam masa pelayaran ke destinasi di luar perairan itu.

(2) Laluan itu, yang hendaklah dilakukan mengikut kaedah-kaedah undang-undang antarabangsa mengenai laut berhubungan dengan rejim kelautan yang relevan yang terpakai bagi perairan perikanan Malaysia itu, termasuk berhenti dan berlabuh hanya—

- (a) jika vesel itu berada dalam kecemasan;

(b) bagi maksud mendapatkan bantuan perubatan kecemasan bagi anggota kruinya; atau

(c) untuk memberi bantuan kepada orang, kapal atau pesawat udara yang berada dalam bahaya atau distres."; dan

(c) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan "radio" dalam subseksyen (3) perkataan-perkataan ", teleks atau faksimili dalam Bahasa Inggeris atau Melayu".

Pindaan  
seksyen 24.

10. Seksyen 24 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (2) subseksyen baru (3) yang berikut:

"(3) Bagi maksud apa-apa kesalahan di bawah Bahagian ini, beban untuk membuktikan bahawa sesuatu vesel penangkapan ikan bukanlah vesel penangkapan ikan asing adalah terletak pada orang yang dipertuduh melakukan kesalahan yang berhubungan dengannya isu itu berbangkit."

Pindaan  
Seksyen 25.

11. Seksyen 25 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "lima" yang terdapat dalam perenggan (b) dengan perkataan "dua".

Penggantian  
seksyen 31.

12. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 31 dengan seksyen 31 yang berikut:

"Pengkom-  
paunan  
kesalahan-  
kesalahan.  
31. (1) Tertakluk kepada subseksyen-subseksyen yang berikut, mana-mana pegawai perikanan boleh mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dengan sejumlah wang yang tidak kurang daripada lima ratus ringgit dan tidak melebihi denda maksimum bagi kesalahan itu, dengan syarat bahawa kesalahan itu adalah kesalahan kali pertama, kedua atau ketiga sahaja:

Dengan syarat selanjutnya bahawa bagi apa-apa kesalahan di bawah subseksyen (1) seksyen 43 kompaun itu tidaklah boleh kurang daripada seratus ringgit.

(2) Apa-apa kesalahan yang dilakukan melanggar dengan seksyen 8(a), 11(3), 15(1) atau 16 yang dibaca dengan seksyen 25 atau 26 tidaklah boleh dikompaun.

(3) Walau apa pun subseksyen (1) dan (2), mana-mana pegawai perikanan boleh mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah subseksyen (3) seksyen 11 jika peralatan menangkap ikan yang berhubungan dengannya kesalahan itu dilakukan adalah peralatan menangkap ikan tradisional, dengan sejumlah wang yang tidak kurang daripada lima ratus ringgit dan tidak melebihi denda maksimum bagi kesalahan itu.

(4) Jika sesuatu peralatan menangkap ikan menjadi hal perkara apa-apa kesalahan yang dikompaun di bawah subseksyen (1), peralatan menangkap ikan itu boleh dirampas dan dilupuskan sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

(5) Jika apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini telah dikompaunkan mengikut seksyen ini, Ketua Pengarah hendaklah mengarahkan apa-apa barang daripada jenis yang mudah rosak yang menjadi hal perkara apa-apa kesalahan, dijual dan hasil jualan itu dilucuthakkan."

13. Seksyen 35 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 35.

(a) dengan menomborkan semula seksyen yang sedia ada sebagai subseksyen (1); dan

- (b) dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (1) subseksyen baru (2) yang berikut:

"(2) Bagi maksud perenggan (c) subseksyen (1), suatu perakuan yang dikeluarkan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi ukur dan pemetaan atau Menteri yang bertanggungjawab bagi pertahanan yang menyatakan bahawa sesuatu peta, pelan atau carta telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, dalam apa-apa prosiding undang-undang, menjadi bukti muktamad mengenai fakta yang dinyatakan sedemikian."

Pindaan  
seksyen 40.

14. Seksyen 40 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen (1) yang berikut:

- "(1) Mana-mana orang yang—
- (a) mengimport ke dalam atau mengeksport ke luar Malaysia;
  - (b) mengangkut dari Malaysia Barat ke dalam Wilayah Persekutuan Labuan atau Negeri Sabah atau Sarawak;
  - (c) mengangkut dari Wilayah Persekutuan Labuan atau Negeri Sabah atau Sarawak ke dalam Malaysia Barat;
  - (d) mengangkut dari Wilayah Persekutuan Labuan ke dalam Negeri Sabah atau Sarawak;
  - (e) mengangkut dari Negeri Sabah ke dalam Wilayah Persekutuan Labuan atau Negeri Sarawak; atau
  - (f) mengangkut dari Negeri Sarawak ke dalam Wilayah Persekutuan Labuan atau Negeri Sabah,

ikan hidup tanpa permit atau berlanggaran dengan apa-apa syarat dalam permit yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan."

15. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 41 seksyen baru 41A dan 41B yang berikut: Seksyen baru  
41A dan 41B.

"Penubuhan Majlis Penasihat Kebangsaan bagi Taman Laut dan Rizab Laut. 41A. (1) Menteri boleh menubuhkan Majlis Penasihat Kebangsaan bagi Taman Laut dan Rizab Laut.

(2) Majlis Penasihat Kebangsaan bagi Taman Laut dan Rizab Laut hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (a) Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian Malaysia;
- (b) wakil Kerajaan Negeri yang berkenaan;
- (c) wakil Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;
- (d) wakil Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi sains, teknologi dan alam sekitar;
- (e) wakil Jabatan Perikanan;
- (f) wakil Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara;
- (g) wakil Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri;
- (h) wakil Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia;
- (i) wakil Persatuan Sains Kelautan Malaysia;
- (j) wakil Dana Sedunia Alam Semulajadi Malaysia;

- (k) wakil Persatuan Pencinta Alam Malaysia; dan
- (l) mana-mana anggota lain yang akan dilantik dari semasa ke semasa.

Fungsi  
Majlis  
Penasihat  
Kebangsaan  
bagi Taman  
Laut dan  
Rizab Laut.

41B. Majlis Penasihat Kebangsaan bagi Taman Laut dan Rizab Laut hendaklah menasihati Menteri mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan kawasan taman laut atau rizab laut khususnya—

- (a) untuk menentukan garis panduan berkenaan dengan perlindungan, pemuliharaan, penggunaan, kawalan, pengurusan dan kemajuan kawasan-kawasan taman laut dan rizab laut bagi pelaksanaan di peringkat kebangsaan;
- (b) untuk menyelaraskan pembangunan mana-mana kawasan taman laut atau rizab laut dengan Kerajaan Persekutuan dan mana-mana pertubuhan perbadanan; dan
- (c) untuk memberi nasihat teknik kepada Kerajaan Negeri berkenaan dengan apa-apa projek pembangunan di mana-mana pulau yang terletak di dalam kawasan taman laut atau rizab laut."

Seksyen baru  
47A,47B,47c  
dan 47D.

16. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 47 seksyen baru 47A, 47B, 47c dan 47D yang berikut:

"Kuasa  
penyiasatan  
pegawai  
perikanan.

47A. (1) Mana-mana pegawai perikanan hendaklah mempunyai kuasa untuk menyiasat perlakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Tiap-tiap orang yang dikehendaki oleh pegawai perikanan supaya memberi maklumat atau mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain berhubungan dengan perlakuan kesalahan itu yang adalah dalam kuasa orang itu untuk memberi adalah terikat di sisi

undang-undang untuk memberikan maklumat atau mengemukakan dokumen atau benda lain itu.

Kuasa pegawai perikanan untuk menghendaki kehadiran saksi.

47B. (1) Seseorang pegawai perikanan yang menjalankan penyiasatan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini boleh melalui perintah bertulis menghendaki mana-mana orang yang ternyata kepada pegawai itu mengetahui akan hal keadaan kes itu supaya hadir di hadapannya, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki.

(2) Jika mana-mana orang sedemikian enggan untuk hadir sebagaimana yang dikehendaki, maka pegawai itu boleh melaporkan keengganan itu kepada seorang Majistret yang sesudah itu boleh mengikut budi bicaranya mengeluarkan suatu waran untuk memastikan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah yang disebut terdahulu itu.

(3) Seseorang yang hadir sebagaimana yang dikhendaki di bawah subseksyen (1) berhak dibayar perbelanjaan perjalanan dan saraan yang munasabah yang dilakukan olehnya dan adalah sah bagi Ketua Pengarah untuk membayar perbelanjaan tersebut.

Pemeriksaan saksi oleh pegawai perikanan.

47c. (1) Seseorang pegawai perikanan yang menjalankan penyiasatan di bawah Akta ini boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang disangkakan mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu.

(2) Orang sedemikian adalah terikat untuk menjawab segala soalan yang berhubungan dengan kes itu yang dikemukakan kepadanya oleh pegawai itu:

Dengan syarat bahawa orang sedemikian boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang jawapannya berkecenderungan mendedahkannya kepada sesuatu pertuduhan jenayah atau penalti atau perlucuthakan.

(3) Seseorang yang membuat sesuatu pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai jawapan kepada soalan-soalan.

(4) Seseorang pegawai perikanan yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memberitahu orang itu tentang peruntukan-peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, bilamasa mungkin, diubahkan ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dicapkan dengan cap jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, setelah pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa yang dalam mana pernyataan itu dibuat dan setelah dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dia mahu.

Prosedur jika penyiasatan tidak dapat diselesaikan dalam dua puluh empat jam oleh pegawai perikanan.

47D. (1) Bilamasa mana-mana orang ditangkap dan ditahan dalam jagaan oleh seorang pegawai perikanan kerana sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, dan ternyata bahawa penyiasatan itu tidak dapat diselesaikan dalam tempoh dua puluh empat jam dari masa orang itu ditangkap, mana-mana pegawai perikanan boleh mengemukakan orang itu ke hadapan seorang Majistret bagi maksud subseksyen (2).

(2) Majistret yang ke hadapannya orang itu dikemukakan di bawah subseksyen (1) boleh, sama ada dia mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kes itu atau tidak, dari semasa ke masa membenarkan orang itu ditahan dalam jagaan sebagaimana yang difikirkan patut olehnya selama tempoh tidak melebihi lima belas hari pada keseluruhannya."

17. Seksyen 50 Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (2)— Pindaan seksyen 50.

- (a) dengan menggantikan koma yang terdapat selepas sahaja perkataan-perkataan "barang itu" dengan noktah; dan
- (b) dengan memotong perkataan-perkataan "perbelanjaan yang dilakukan untuk menyita vesel, kenderaan, benda atau barang itu dan untuk menghantar pulang kru vesel itu dan denda maksimum yang boleh dikenakan berkenaan dengan kesalahan itu."

18. Seksyen 52 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen (1) yang berikut: Pindaan seksyen 52.

"(1) Jika mana-mana orang didapati bersalah atas apa-apa kesalahan—

- (a) di bawah seksyen 8(a), 11(3), 15(1) atau 26; dan
- (b) kerana melanggar apa-apa syarat lesen yang berhubungan dengan kawasan penangkapan ikan yang dibenarkan di bawah lesen itu,

mahkamah hendaklah, sebagai tambahan kepada apa-apa penalti lain yang boleh dikenakan—

- (i) memerintahkan supaya vesel (termasuk kelengkapan, perabot, alatan bersangkutan, storan, kargo dan peralatan menangkap ikan), kenderaan, benda atau barang yang digunakan dalam melakukan kesalahan itu atau yang berhubungan dengannya kesalahan itu telah dilakukan dilucuthakkan; dan
- (ii) memerintahkan supaya apa-apa ikan yang ditangkap dalam melakukan kesalahan itu atau hasil jualan apa-apa ikan atau benda lain daripada jenis yang mudah rosak yang disebutkan dalam seksyen 48, dan apa-apa bahan letupan, racun, pencemar, perkakas

atau alat yang dilarang yang digunakan atau yang dicadang untuk digunakan dalam melakukan kesalahan itu dilucuthakkan."

- Pindaan seksyen 53. 19. Seksyen 53 Akta itu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "lima puluh" dengan perkataan-perkataan "dua puluh".
- Pindaan seksyen 56. 20. Seksyen 56 Akta itu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "mempergunakan haknya untuk lalu dengan ikhlas" dalam perenggan (a) subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan "membuat laluan".
- Pindaan seksyen 58. 21. Seksyen 58 Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan "latihan" perkataan-perkataan "atau kaji selidik mengenai kebolehlaksanaan ekonomi apa-apa aktiviti penangkapan ikan".
- Pindaan seksyen 61. 22. Seksyen 61 Akta itu adalah dipinda—
- (a) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "apa-apa" dalam perenggan (s) perkataan "pemberikuasaan,";
  - (b) dalam perenggan (aa)—
    - (i) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "pemohon-pemohon" perkataan "pemberikuasaan,"; dan
    - (ii) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan "di bawah" perkataan "pemberikuasaan,";
  - (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan "hak laluan ikhlas vesel itu" yang terdapat dalam perenggan (ae) dengan perkataan-perkataan "laluan vesel itu yang mengikut kaedah-kaedah undang-undang antarabangsa mengenai laut berhubungan dengan rejim kelautan yang relevan yang terpakai bagi perairan perikanan itu"; dan

(d) dengan menomborkan semula perenggan (aj) sebagai perenggan (al) dan memasukkan selepas sahaja perenggan (ai) perenggan-perenggan baru (aj) dan (ak) yang berikut:

“(aj) untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran dan pengeluaran dokumen-dokumen pengenalan yang sesuai kepada mana-mana orang yang dibawa atau bekerja di atas mana-mana vesel penangkapan ikan berlesen dan untuk menetapkan fee yang kena dibayar baginya;

(ak) untuk mengawalselia pendaftaran vesel penangkapan ikan tempatan dan pengeluaran dokumen-dokumen yang sesuai berkenaan dengannya;”.

---

#### HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Perikanan 1985 (kemudian daripada ini disebut "Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan meminda takrif "peranti mengumpul ikan", "vesel penangkapan ikan", "vesel penangkapan ikan tempatan" dan "pencemar" dan memasukkan takrif baru "peralatan menangkap ikan tradisional". Pindaan yang dicadangkan kepada takrif "peranti mengumpul ikan" adalah untuk menerangkan dengan lebih jelas pengertiannya. Pindaan yang dicadangkan kepada takrif "vesel penangkapan ikan" merangkumi vesel-vesel yang digunakan untuk mengangkut makanan ikan dalam projek pemeliharaan ikan dalam sangkar di bawah takrif itu, dengan itu menjadikan vesel-vesel itu termasuk dalam skop peruntukan-peruntukan pelesenan. Pindaan yang dicadangkan kepada takrif "vesel penangkapan ikan tempatan" bertujuan memasukkan ke dalam pengertian takrif tersebut, vesel penangkapan ikan asing yang dicarter atau disubcarter, dipajak atau disubpajak oleh warganegara Malaysia atau badan lain yang ditubuhkan di Malaysia. Pindaan yang dicadangkan kepada takrif "pencemar" bertujuan merangkumi apa-apa bahan yang mungkin mencemarkan bukan sahaja perairan kelautan tetapi perairan sungai juga. Cadangan untuk memasukkan takrif baru, iaitu "peralatan menangkap ikan tradisional" adalah perlu memandangkan pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 31.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 8 untuk menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang lesen tidak dikeluarkan kepadanya di bawah Akta untuk mengusahakan apa-apa aktiviti penangkapan ikan dengan apa jua kaedah, termasuk khususnya, pengutipan apa-apa spesies ikan.
4. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 11 bagi mengadakan anggapan bahawa mana-mana bahagian peralatan menangkap ikan hendaklah ditafsirkan sebagai peralatan menangkap ikan yang lengkap.
5. *Fasal 5* bertujuan meminda subseksyen (4) seksyen 13 dengan melanjutkan tempoh rayuan kepada Menteri kepada tiga puluh hari.
6. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 14 untuk memperuntukkan bahawa tempoh keesahan sesuatu lesen adalah dua belas bulan kalendar dan perenggan baru 14 (4) (aa), dimasukkan untuk membenarkan lesen-lesen dipindahmilik dengan kelulusan Ketua Pengarah.
7. *Fasal 7* bertujuan meminda Akta dengan memasukkan seksyen baru 14A untuk memperuntukkan bahawa mana-mana orang, yang bukan warganegara Malaysia, yang dijumpai di atas mana-mana vesel penangkapan ikan tempatan di dalam perairan perikanan Malaysia adalah dianggap sebagai anggota kru vesel itu.
8. *Fasal 8* bertujuan meminda subseksyen (1) seksyen 15 untuk menambah situasi di mana sesuatu vesel penangkapan ikan asing boleh dibenarkan menjalankan apa-apa penyelidikan atau pemeriksaan tekno-ekonomi mengenai apa-apa perikanan, iaitu jika terdapat perjanjian mengenainya di antara warganegara Malaysia dengan pemilik vesel tersebut.
9. *Fasal 9* bertujuan meminda subseksyen (1) seksyen 16 untuk memperuntukkan bahawa laluan vesel penangkapan ikan asing di perairan perikanan Malaysia hendaklah mengikut kaedah-kaedah undang-undang antarabangsa mengenai laut yang relevan kepada bahagian perairan yang sedang dilalui. Subseksyen (3) seksyen 16 dipinda untuk memperluaskan cara-cara perhubungan di bawah seksyen itu supaya merangkumi juga perhubungan melalui teleks dan faksimili dan untuk menetapkan bahasa yang hendaklah digunakan iaitu Bahasa Inggeris dan Melayu.
10. *Fasal 10* bertujuan meminda seksyen 24 dengan rmemasukkan subseksyen baru (3) bagi mengadakan anggapan bahawa beban untuk membuktikan bahawa sesuatu vesel penangkapan ikan bukanlah vesel penangkapan ikan asing terletak pada orang yang dipertuduh dengan kesalahan yang berhubungan dengannya isu itu berbangkit.

11. *Fasal 11* bertujuan meminda seksyen 25 dengan mengurangkan denda maksimum yang akan dikenakan bagi apa-apa kesalahan berhubungan dengan vesel penangkapan ikan tempatan kepada dua puluh ribu ringgit.

12. *Fasal 12* bertujuan meminda seksyen 31 untuk membenarkan kompaun bagi kesalahan-kesalahan tertentu dengan syarat bahawa kesalahan yang dilakukan itu adalah kesalahan pertama, kedua atau ketiga sahaja dan untuk membenarkan kompaun minimum seratus ringgit bagi kesalahan yang dilakukan di bawah subseksyen (1) seksyen 43 Akta. Pindaan kepada seksyen 31 mengadakan peruntukan bagi pengkompaunan apa-apa kesalahan berhubungan dengan peralatan menangkap ikan tradisional. Satu peruntukan juga diadakan bagi perlucuthakan hasil jualan ikan atau benda daripada jenis yang mudah rosak.

13. *Fasal 13* bertujuan memasukkan subseksyen baru (2) kepada seksyen 35 bagi memperuntukkan bahawa suatu perakuan yang dikeluarkan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi ukur dan pemetaan atau Menteri yang bertanggungjawab bagi pertahanan yang menyatakan bahawa sesuatu peta, pelan atau carta telah diluluskan oleh Kerajaan, hendaklah menjadi bukti muktamad mengenai fakta yang dinyatakan sedemikian.

14. *Fasal 14* bertujuan meminda seksyen 40 bagi memperuntukkan tentang kawalan ke atas pengangkutan ikan hidup di antara Wilayah Persekutuan Labuan dan Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak, sebagai tambahan kepada peruntukan-peruntukan yang sedia ada yang hanya memperuntukkan tentang kawalan ke atas pengangkutan ikan hidup di antara Malaysia Barat dan Wilayah Persekutuan Labuan, Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak.

15. *Fasal 15* bertujuan memasukkan seksyen 41A dan 41B ke dalam Akta. Seksyen 41A bertujuan menubuhkan Majlis Penasihat Kebangsaan bagi Taman Laut dan Rizab Laut yang hendaklah dilantik oleh Menteri. Seksyen 41B bertujuan mengadakan peruntukan mengenai fungsi-fungsi Majlis itu.

16. *Fasal 16* bertujuan memasukkan seksyen baru 47A, 47B, 47c dan 47D ke dalam Akta. Seksyen 47A bertujuan memberi kepada mana-mana pegawai perikanan kuasa untuk menyiasat perlakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta. Seksyen 47B dan 47c bertujuan mengadakan peruntukan mengenai kuasa-kuasa pegawai tersebut untuk menghendaki kehadiran saksi-saksi dan untuk memeriksa saksi-saksi bagi maksud penyiasatan itu. Seksyen 47D bertujuan mengadakan peruntukan mengenai prosedur jika penyiasatan yang dijalankan oleh pegawai perikanan ke atas mana-mana orang yang ditangkap dan ditahan dalam jagaan tidak boleh diselesaikan dalam masa dua puluh empat jam.

17. *Fasal 17* bertujuan meminda subseksyen (2) seksyen 50 yang berhubungan dengan penghitungan jaminan yang kena diberi bagi pemulangan sementara mana-mana vesel penangkapan ikan yang disita di bawah Akta. Di bawah peruntukan yang sedia ada, denda maksimum yang boleh dikenakan berkenaan dengan kesalahan yang dilakukan dan perbelanjaan yang dilakukan dalam menyita dan menghantar pulang kru hendaklah diambil kira dalam menentukan amaun jaminan yang kena diberikan bagi pelepasan kedua-dua vesel penangkapan ikan tempatan dari asing. Pindaan yang dicadangkan bertujuan memperuntukkan bahawa jaminan yang kena diberikan bagi pemulangan sementara vesel penangkapan ikan ialah nilai agregat vesel itu termasuk peralatan menangkap ikan, kelengkapan, dll.

18. *Fasal 18* bertujuan meminda seksyen 52 dengan menyatakan kesalahan-kesalahan yang menurutnya vesel dan peralatan menangkap ikan yang digunakan dalam melakukan kesalahan itu hendaklah dilucuthakkan oleh Mahkamah atas sesuatu sabitan.

19. *Fasal 19* bertujuan meminda seksyen 53 dengan mengurangkan denda maksimum yang akan dikenakan bagi apa-apa kesalahan di bawah seksyen itu kepada dua puluh ribu ringgit.

20. *Fasal 20* bertujuan meminda seksyen 56 Akta berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 16.

21. *Fasal 21* bertujuan meminda seksyen 58 dengan membenarkan Ketua Pengarah mengecualikan mana-mana vesel atau orang daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta bagi maksud kaji selidik ke atas kebolehlaksanaan ekonomi apa-apa aktiviti penangkapan ikan.

22. *Fasal 22* bertujuan memasukkan perenggan baru (*aj*) dan (*ak*) ke dalam seksyen 61 untuk memberi kepada Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan bagi pendaftaran mana-mana orang yang dibawa atau bekerja di atas mana-mana vesel penangkapan ikan tempatan, dan pengeluaran kad pengenalan kepada orang tersebut dan untuk mengawalselia pendaftaran mana-mana vesel penangkapan ikan tempatan.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam ,apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1694.]